

PENGARUH DIALEK NEGERI SEMBILAN KEPADA
PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA MALAYSIA
STANDARD DI PERINGKAT SEKOLAH-SEKOLAH
RENDAH : SATU KAJIAN KES DI TAMPIN

ZURAIDAH BT. ZULKEFLEE

JABATAN PERSURATAN MELAYU
FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI SELANGOR
SESI 1981/82

PENGARUH DIALEK NEGERI SEMBILAN KEPADA
PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA MALAYSIA STANDARD
DI PERINGKAT SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH : SATU
KAJIAN KES DI TAMPIN.

Oleh

ZURAI DAH BT. ZULKEFLEE

LATIHAN ILMIAH INI DIKEMUKAKAN KEPADA
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT-SYARAT
IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA
DENGAN KEPUJIAN
DI JABATAN PERSURATAN MELAYU

FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BANGI
1981/82

Ku abadikan.

Dalam shahdu sedar sabarmu, ibu
kau mahu gunung nanah dan lurah rekah
mengalun mesra: memanas kesetiaan nan rela
cita-cita nan bertunjang dihati
kesungguhan dan keyakinan dilidah api
esok sinaran emas bercahaya

(Mahaya Md. Yassin, '81)

buat:

emak dan ayah yang mendoakan
adik-adik yang bakal menjejaki
tunangan yang tersayang
dan sahabat-sahabat yang mengerti.

SINOPSIS

Kemerosotan prestasi pelajar-pelajar Melayu di dalam peperiksaan Bahasa Malaysia sudah lama menjadi tajuk perbualan di seluruh negara. Angka-angka statistik yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian Pelajaran menyebabkan kita menjadi tertanya-tanya apakah faktor-faktor yang menyebabkan kemunduran pelajar-pelajar Melayu dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia, bahasa ibunda mereka sendiri! Kajian ini merupakan satu percubaan untuk melihat sejauh manakah dialek menjadi 'language interference' dalam proses pembelajaran murid.

Untuk tujuan itu, kajian ini akan dibahagikan kepada lima bahagian. Bab Pertama akan menghuraikan definisi dialek dan bahasa standard. Dalam bahagian ini juga penulis akan membincangkan perkaitan antara dialek dan pendidikan dan bagaimana timbulnya masalah dalam pembelajaran bahasa standard. apabila jarak antara satu-satu dialek dan bahasa standard itu semakin jauh.

Bab Kedua akan membincangkan tentang linguistik dan pengajaran bahasa, teori-teori linguistik dan aliran-alirannya serta kaedah pengajaran bahasa. Ini dikaitkan dengan pengajaran bahasa pertama untuk murid-murid yang berdialekganda (bidialektikal).

Bab ketiga akan memperlihatkan kelainan antara dialek Negeri Sembilan dengan Bahasa Malaysia Standard dari sudut fonologi, morfologi dan sintaksis. Melihat pada perbedaan ini kita akan dapat menjangka kawasan-kawasan bermasalah yang akan dihadapi oleh murid dalam proses pembelajaran Bahasa Malaysia Standard.

Penganalisaan data-data statistik dan juga data-data dari sudut fonologi, morfologi dan sintaksis hasil dari kajiilidik penulis akan dibincangkan dalam Bab Keempat untuk melihat sejauh manakah pengaruh dialek berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia Standard di sekolah-sekolah rendah di daerah Tampin.

Bab Kelima merupakan kesimpulan dari kajian yang telah dibuat dan saranan-saranan penulis dalam usaha untuk mengatasi masalah pengaruh dialek dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia Standard.

PENGHARGAAN

Syukur saya ke hadzrat Illahi yang dengan limpah kurniaNya telah membolehkan saya menyiapkan latihan ini sebagai salah satu syarat untuk mendapatkan Ijazah Sarjanamuda Sastera (Kepujian) di Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Kasa penghargaan dan ucapan setinggi-tinggi terima kasih juga saya tujukan kepada penyelia latihan ilmiah saya, Drs. Mangantar Limanjuntak yang telah banyak memberikan bimbingan dan tunjuk ajar yang amat berguna dalam proses menyiapkan kajian ini.

Ingin juga saya merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Kementerian Pelajaran Malaysia yang memberi saya kebenaran untuk menjalankan kajian mikro di sekolah-sekolah rendah kebangsaan di daerah Tampin.

Tidak ketinggalan juga saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada guru-guru bahasa yang telah membantu saya dalam penyelidikan, kepada sahabat-sahabat yang selalu memberikan galakan dan sokongan moral dan juga saudari Dahlia, Fatimah dan Jannah yang telah mudi menaipkan latihan ilmiah ini.

Akhir sekali buat emak dan ayah yang sering mendoakan kejayaan saya, adik-adik yang menjadi sumber inspirasi serta tunangan yang sentiasa membantu dan memberikan galakan.

Zuraidah bte. Zulkeflee

Jabatan Persuratan Melayu

Universiti Kebangsaan Malaysia

Bangi

Ghb. Mac 1982

KANDUNGAN

	<u>Halaman</u>
Sinopsis	iv
Penghargaan	vi
Kandungan	viii
PENGANTAR	
0.1 Pendahuluan	1
0.2 Tujuan kajian	4
0.3 Kawasan kajian	8
0.4 Kaedah kajian	10
0.5 Skop kajian	11
0.6 Masalah kajian	11
0.7 Pentingnya kajian	11
BAB 1 PENGERTIAN DIALEK DAN BAHASA MALAYSIA STANDARD (BMS)	
1.0 Pendahuluan	14
1.1 Pengertian dialek	15
1.1.1 Jenis-jenis dialek	19
1.1.2 Penggolongan dialek	22
1.2 Dialek Negeri Sembilan (DNS)	24
1.3 Bahasa standard	26
1.4 Bahasa Malaysia Standard (BMS)	30
1.4.1 Pemilihan Bahasa Malaysia Standard (BMS)	31
1.4.2 Fungsi Bahasa Malaysia Standard (BMS)	34
1.5 Dialek (Bahasa) Standard dan Pendidikan	35
1.6 Kesimpulan	37
BAB 2 LINGUISTIK DAN PENGAJARAN BAHASA	
2.0 Pendahuluan	39
2.1 Linguistik dan sejarah perkembangan pengajaran bahasa (kedua)	40

	<u>Halaman</u>
2.2 Teori-teori Linguistik dan aliran-alirannya	43
2.3 Pendekatan-pendekatan pengajaran bahasa	46
2.3.1 Keluarga teori Assosiasi Perangsang-Laku	48
2.3.2 Keluarga teori Belajar Medan Gestalt	50
2.2.2.1 Hukum Pragnanz	54
2.2.2.2 Hukum Kesamaan	55
2.2.2.3 Hukum Proksimiti atau Kedekatan	55
2.2.2.4 Hukum Penutupan	56
2.3.1 Pendekatan Audio-Lingual.	57
2.3.2 Pendekatan Kognitif	63
2.3.3 Pendekatan Pragmatik	68
2.4 Teori yang kita perlukan	70
2.5 Pendekatan APTA dan OPTA	76
2.6 Kesimpulan	78
BAB 3 ANALISIS PERHAWINDINGAN ANTARA DIALEK NEGIRI SEMBILAN DAN BAHASA MALAYSIA STANDARD	
3.0 Pendahuluan	82
3.1 Sistem Fonologi	82
3.1.1 Sistem vokal	84
3.1.1.1 Variasi vokal antara BMS dan DMS	85
3.1.1.1.1 Penyebaran vokal /i/	86
3.1.1.1.2 Penyebaran vokal /e/	87
3.1.1.1.3 Penyebaran vokal /ɛ/	87
3.1.1.1.4 Penyebaran vokal /a/	88
3.1.1.1.5 Penyebaran vokal /ɔ/	90
3.1.1.1.6 Penyebaran vokal /o/	91
3.1.1.1.7 Penyebaran vokal /u/	92
3.1.1.2 Vokal yang dinasalkan	93

Halaman

3.1.2	Sistem konsonan	95
3.1.2.1	Variasi konsonan	96
3.1.2.1.1	Variasi konsonan /r/	96
3.1.2.1.2	Variasi konsonan /s/	98
3.1.2.1.3	Variasi konsonan /t/	99
3.1.2.1.4	Variasi konsonan /h/	100
3.1.2.1.5	Variasi konsonan /l/	101
3.1.2.1.6	Variasi konsonan plosif	103
3.2	Sistem Morfologi	104
3.2.1	Struktur Morfem Terikat	106
3.2.2	Pemakaian Morfem Terikat	108
3.2.2.1	Awalan /mɔ/	108
3.2.2.2	Awalan /pɔ/	109
3.2.2.3	Awalan /bɔ/	110
3.2.2.4	Awalan /tɔ/	110
3.2.2.5	Awalan /kɔ/	111
3.2.2.6	Awalan /di-/	111
3.2.2.7	Awalan /sɔ/	112
3.2.2.8	Imbuhan akhiran	112
3.2.2.9	Akhiran /-an/-(kan)	112
3.2.2.10	Akhiran /-an/	113
3.2.2.11	Akhiran /-i/	113
3.2.2.12	Imbuhan terbahagi	113
3.2.2.13	Keseringan pemakaian Morfem Terikat	114
3.2.3	Penyisipan	114
3.2.4	Penggandaan	115
3.3	Sistem Sintaksis	117
3.3.1	Susunan ayat interogatif yang memerlukan jawapan pendek ya / tidak	118

	<u>Halaman</u>
3.3.2 Susunan kata kerja pasif yang menerima imbuhan 'di' dan 'ter'	119
3.3.3 Susunan katadepan dalam ayat	120
3.3.4 Susunan kata kesangatan dalam ayat	120
3.4 Kesimpulan	121
BAB 4 PENGARUH DIALEK NEGERI SEMBILAN (DNS) KEPADA PENGAJARAN BAHASA MALAYSIA STANDARD (BMS)	
4.0 Pendahuluan	123
4.1 Latar belakang guru	124
4.2 Sikap guru terhadap dialek	126
4.3 Latar belakang murid	130
4.4 Sikap murid	132
4.5 Sikap ibu bapa	136
4.6 Kemudahan-kemudahan di sekolah	137
4.6.1 Perpustakaan	137
4.6.2 Alat-alat media-massa	138
4.6.3 Aktiviti-aktiviti bahasa	138
4.7 Kaedah Pengajaran	139
4.7.1 Kaedah abjad	140
4.7.2 Kaedah suku kata	141
4.7.3 Kaedah pandang dan sebut	143
4.7.4 Kaedah Eklektik	144
4.8 Pengaruh DNS terhadap pembelajaran BMS	145
4.9 Pengaruh Fonologi	146
4.9.1 Penggunaan vokal	147
4.9.1.1 Pengguguran dan penyisipan vokal	152
4.9.2 Penggunaan konsonan	153
4.10 Pengaruh Morfologi	158

	<u>Halaman</u>
4.10.1 Kesalahan imbuhan	159
4.10.1.1 Imbuhan awalan	159
4.10.1.2 Imbuhan akhiran	161
4.10.1.3 Imbuhan terbahagi	163
4.11 Pengaruh Sintaksis	166
4.11.1 Kesalahan dalam pemilihan perkataan	166
4.11.2 Kesalahan menyingkalkan perkataan	168
4.11.3 Pengaruh struktur pertuturan dalam tulisan	171
4.12 Kesimpulan	178
BAB 5 PENUTUP	
5.0 Kesimpulan	180
BIBLIOGRAFI	187
LAMPIRAN	193

BAHAGIAN

PENGANTAR

0.1 Pendahuluan

Kita tentu merasa amat bangga apabila bahasa Melayu diistiharkan sebagai bahasa resmi dan bahasa kebangsaan negara Malaysia kira-kira dua puluh empat tahun yang lalu ketika Malaysia mencapai kemerdekaannya. Hari ini kita melihat perkembangan pesat dalam mencapai matlamat menjadikan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar sepenuhnya dari peringkat sekolah dasar hingga ke peringkat pengajian tinggi pada tahun 1985.

Sekali imbas, kita tentu membuat anggapan bahawa dengan terlaksananya dasar ini, anak-anak Melayulah yang akan paling beruntung kerana tentu mereka tidak akan menghadapi masalah dalam mempelajari Bahasa Malaysia yang memang bahasa ibunda mereka.

Kemerosotan prestasi pelajar-pelajar Melayu di dalam peperiksaan Bahasa Malaysia sudah lama menjadi perbualan di seluruh negara¹. Data-data keputusan peperiksaan yang dikeluarkan oleh kerajaan amat memeranjatkan kita apabila didapati pencapaian anak-anak Melayu telah merosot dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia berbanding dengan pelajar-pelajar lain. Pada tahun 1980, misalnya 41.5% pelajar

1. Lihat karangan Omar Hashim 1978, misalnya.

Melayu yang mendapat pangkat kepujian didalam mata pelajaran Bahasa Malaysia dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (Utusan Malaysia). Ini merupakan kemunduran sebanyak 47.7% dengan tahun 1979.

Di Negeri Sembilan (berdasarkan berita yang tersiar dalam Utusan Malaysia 7hb. November, 1977) terdapat seramai 1500 orang murid merosot yang tidak boleh membaca dan menulis. Berikut adalah petikan berita tersebut:

'Selebu 6 Nov. - Seramai 1500 orang murid sekolah rendah di Negeri Sembilan tidak boleh membaca dan menulis, kata Pengarah Pelajaran Negeri, Encik Annuar Ayub. Jumlah tersebut adalah dari seramai 90,000 orang murid-murid rendah di negeri ini.....'

Kesimpulan yang boleh dibuat dari kenyataan akhbar ini ialah, murid-murid tidak hanya perlu mahir dalam bertutur tetapi juga membaca dan menulis. Kegagalan dalam pelajaran bahasa akan turut mempengaruhi pencapaian seseorang dalam mata pelajaran lain. Berbagai-bagai andaian dibuat dalam mencari punca kemerosotan dan kelemahan pelajar-pelajar, antaranya:

1. Masalah kualiti guru bahasa
2. Kekurangan buku-buku teks dan bahan bacaan yang sesuai
3. Sikap negatif murid terhadap pelajaran bahasa
4. Tiadanya buku-buku tatabahasa pegangan

5. Sistem bahasa yang belum mantap
6. Sistem pengajaran dan pembelajaran bahasa yang tidak sesuai.

Malapung Bahasa Malaysia merupakan bahasa ibunda bagi pelajar-pelajar, ia masih perlu mempelajarinya supaya dapat berkomunikasi dengan cara yang lebih baik. Bahasa Malaysia yang dipelajari mungkin tidak selaras dengan bahasa ibunda yang diperolehinya kerana ia mungkin terpengaruh oleh dialek. Dialek mempunyai kesan langsung atau tidak langsung terhadap kemahiran berbahasa, bukan sahaja dari segi lisan tetapi juga tatabahasanya.

Penyelidikan di negara lain dan pengalaman guru-guru di Malaysia menyokong andaian ini. Tetapi setakat ini belum ada bukti linguistik bahawa dialek daerah mengganggu pembelajaran Bahasa Malaysia². Pernyataan ini tidak pula menafikan adanya pengaruh dialek. Tegasnya di sini pengaruh itu belum dibuktikan (Collins 1981: 97).

-
2. Telah ada kajian-kajian yang dijalankan oleh Parid dan Ajid (1979) misalnya, tulisan Asmah (1978) dan sebuah latihan ilmiah tentang pengaruh dialek oleh Maimoon (1979) tetapi belum benar-benar dapat dibuktikan dengan bukti-bukti linguistik.

0.2 Tujuan Kajian

Dalam kajian ini, penulis ingin meninjau sejauh manakah dialek khususnya di Negeri Sembilan sebagai 'language interference' kepada pengajaran Bahasa Malaysia Standard (BMS). Dialek merupakan satu daripada faktor yang diandaikan menyebabkan kelemahan dan kemerosotan yang dihadapi oleh pelajar-pelajar dalam peperiksaan kerana nilai-nilai peperiksaan tentang bahasa itu ditentukan oleh nilai-nilai BMS. Bahasa lisan pelajar-pelajar sering dipengaruhi oleh dialek bukan hanya dari segi sebutan tetapi lebih-lebih lagi dari segi tatabahasa murid yang berdasarkan bahasa lisan, maka tujuan atau matlamat pengajaran bahasa untuk menstandardisasikan dan memodenkan Bahasa Melayu itu tidak akan tercapai.

Untuk tujuan Latihan ilmiah ini, disertakan juga data keputusan peperiksaan penilaian darjah lima di seluruh Semenanjung Malaysia. Dari data tersebut didapati jumlah peratus kelulusan di Negeri Sembilan merosot pada tahun 1977 dan 1980 (sila lihat data yang dilampirkan). Ini selaras dengan bukti-bukti akhbar (1977) dan data keputusan tahun 1980 seperti yang telah disebutkan sebelum ini.

PEPERIKSAAN PENJALANAN DARJAH LIMA (PERANTARAAN BAHASA MALAYSIA)

PEPATUTS PENCAPAIAN BAHASA MALAYSIA

NOMORI	1 9 7 6					1 9 7 7					1 9 7 8					1 9 7 9					1 9 8 0				
	A	B	C	Jus- lah	A	B	C	Jus- lah	A	B	C	Jus- lah	A	B	C	Jus- lah	A	B	C	Jus- lah	A	B	C	Jus- lah	
SILANGOR	11.2	40.2	26.6	70	11.7	39.3	24.4	75.4	22.5	43.2	16.2	81.9	21.6	42.82	15.53	79.55	19.83	43.33	15.53	79.55	19.83	43.33	15.53	79.55	
M. SEMBILAN	14.6	39.6	27.1	81.3	15.3	38.4	24.0	77.7	25.4	42.9	16.1	84.4	25.0	42.99	14.54	82.53	24.44	40.98	15.07	82.47	24.44	40.98	15.07	82.47	
MELAKA	13.9	35.3	22.1	81.3	14.3	39.1	24.7	76.1	24.7	42.5	15.6	83.8	15.15	48.64	16.40	81.19	22.45	45.00	14.52	82.33	22.45	45.00	14.52	82.33	
JOHOR	11.5	37.4	28.9	77.3	11.4	36.3	27.2	74.9	20.2	42.4	19.1	81.7	20.49	42.76	17.15	80.4	19.35	43.21	16.79	79.95	19.35	43.21	16.79	79.95	
KELANTAN	9.8	29.4	29.8	69	8.4	25.7	26.7	60.3	16.1	34.6	21.5	72.2	14.79	32.86	21.02	68.67	12.45	31.79	15.50	67.21	12.45	31.79	15.50	67.21	
TERENGGANU	10.3	32.8	30.3	73.4	11.2	30.8	26.5	65.5	19.3	38.9	20.4	78.6	18.8	33.36	18.20	75.74	17.73	75.09	19.35	76.43	17.73	75.09	19.35	76.43	
KEDAH	7.8	31.5	32.6	71.9	7.4	27.8	29.6	64.8	13.6	38.3	24.2	76.1	12.99	39.68	19.75	72.42	12.45	37.62	21.33	71.4	12.45	37.62	21.33	71.4	

Dari data di atas, didapati pencapaian murid-murid di Negeri Sembilan merosot dari 81.3% (1976) kepada 77.7% (1977) iaitu sebanyak 3.6%. Tahun 1980, sekali lagi menunjukkan kemerosotan dalam pencapaian murid-murid iaitu kejatuhan sebanyak 2.04% dari tahun sebelumnya.

Faktor-faktor yang mungkin menyebabkan kemerosotan ini telah dibincangkan sebelum ini. Tetapi sejauh manakah dialek merupakan faktor yang menyebabkan kemerosotan itulah yang akan cuba dikaji dalam kajian ini. Jika dibandingkan dengan negeri-negeri Kelantan, Trengganu dan Kedah yang dikatakan 'tebal' dengan dialek masing-masing, Negeri Sembilan juga mempunyai dialek yang tersendiri. Tetapi, data di atas menunjukkan prestasi pencapaian murid-murid di Negeri Sembilan adalah lebih baik dari di Kelantan dan Kedah. Malah dari data tersebut, jelas menunjukkan kedudukan prestasi murid-murid di Negeri Sembilan adalah setanding dengan negeri-negeri Selangor, Melaka dan Johor yang mempunyai variasi dialek yang kecil dari Bahasa Malaysia Standard. Oleh itu, sejauh manakah dialek Negeri Sembilan yang dianggap tebal itu menjadi faktor yang diandaikan menyebabkan kemerosotan dalam pencapaian murid dalam pembelajaran mereka merupakan satu tanda tanya yang menarik.

Dalam masalah kemerosotan dalam pencapaian bahasa oleh murid-murid, selain dari faktor-faktor yang menyangkut murid-

murid, ibu bapa, masyarakat dan keadaan, maka faktor yang menyangkut pendekatan pengajaran juga banyak bertanggungjawab dalam masalah ini.

Untuk memecahkan masalah ini, kita perlu mencari satu pendekatan yang unggul tanpa menjadikan murid-murid sebagai mangsa yang dikategorikan sebagai murid-murid lembam. Di Amerika Syarikat, murid-murid yang dikategorikan sebagai murid-murid lembam ini ternyata setelah diuji berdasarkan ilmu linguistik terbukti mereka adalah murid yang cerdas dan normal. Jadi pendekatannyalah yang salah, bukan murid-muridnya.

Oleh itu kajian ini juga akan merangkumi beberapa teori dan pendekatan pengajaran bahasa. Pengajaran bahasa melibatkan empat perkara pokok iaitu; a) bahasa, b) murid atau pelajar, c) guru atau pengajar dan d) kaedah/pendekatan. Kebanyakan pendekatan ini diterapkan untuk pengajaran bahasa asing. Pendekatan-pendekatan ini sudah tidak asing lagi kepada guru-guru di Malaysia yang diterapkan dalam pengajaran bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia kepada penutur asing seperti bahasa Tamil dan Mandarin. Oleh itu, pendekatan-pendekatan ini juga dapat diterapkan dalam pengajaran Bahasa Malaysia kepada penutur-penuturnya yang berbilang (bidialektikal).

0.3 Kawasan Kajian

Pada tahun 1905, daerah (luak) Tampin telah bercantum dengan negeri-negeri kecil lain dan membentuk sebuah gabungan yang diberi nama Negeri Sembilan. Anggota-anggota lain dalam gabungan itu ialah:

- | | | |
|-------------------|-----------------|-----------|
| 1. Sungai Ujung | 2. Jelebu | 3. Rembau |
| 4. Johol dan Inas | 5. Ulu Muar | 6. Jempul |
| 7. Terachi | 8. Gunung Pasir | |

Dalam kawasan susunan adat yang di bawah kekuasaan Tunku Besar Tampin, terdapat lapan buah mukim iaitu Tampin Tengah, Repah, Keru, Tebung, Gemencheh, Air Kuning dan Gemas. Tidak dapat dikesan apakah nama asal tempat ini sebelum ianya bernama Tampin. Banyak terdapat cerita-cerita mengenainya seperti tempat ini asalnya dipanggil Hujung Bukit dan juga Siku Lurah. Bagaimana kemudiannya nama tempat ini bertukar menjadi Tampin menurut cerita adalah kerana terdapat sebatang pokok besar di tebing anak sungai yang mengalir airnya dari Ulu Eyor. Tiba-tiba pokok itu tumbang melintang anak sungai menyebabkan berlakunya banjir yang merosakkan tanam-tanaman. Peristiwa pokok tumbang ini menjadi buah mulut orang ramai dengan mengatakan; air sungai ditampan (dihalang) oleh pokok Tempoyan. Perkataan tampan dan tempoyan ini jadi sebutan berulang-ulang oleh penduduk setempat ini sehingga tempat ini

dinamakan 'Tampin' hinggalah sekarang (Abdul Samad Idris 1968: 226 - 228).

Luas daerah ini ialah 87,868.8 hektar (sila lihat peta yang dilampirkan) dan jumlah penduduknya adalah seramai 58,465 orang. Penduduk Melayunya adalah seramai 46,671 orang. Di daerah ini terdapat berbagai golongan masyarakat yang terdiri dari petani (35%), penoreh getah atau pekebun kecil Melayu (25%), pekebun kecil Cina (10%), pekerja ladang (15%), peneroka (FELDA) (10%), Berniaga (5%) dan lain-lain (5%). Dari data di atas kita dapat membuat kesimpulan bahawa sumber ekonomi yang terbesar di daerah ini ialah dari bidang pertanian. Pendapatan terbesar dari hasil getah iaitu sebanyak 60%.


Di daerah ini, tidak terdapat kilang-kilang perusahaan kecuali kilang papan dan balak. Oleh itu anak-anak muda keluar merantau ke bandar bekerja di firma-firma dan perusahaan. Dengan itu, tenaga pekerja di sektor pertanian telah berkurangan. Keadaan ini bertambah buruk apabila tuan-tuan tanah di kampung-kampung pula memilih untuk menyertai rancangan-rancangan FELDA. Oleh itu tanah-tanah kampung banyak yang terbiar.

Penulis merasa, daerah ini cocok untuk kajian kerana terangkul kedua-dua fenomena iaitu bandar dan luar bandar. Dari sini dapat nanti, penulis bandingkan pengaruh dialek antara bandar dan luar bandar.

DISTRICT OF

TAMPIN

Scale Two Miles to an Inch



JOHORE

GEMAS

AYER KUNING

GENEMCHER

DISTRICT OF KUALA PILAH

YEDONG

BEPAH

KERU

DISTRICT OF REMBAU

MALACCA

0.4 Kaedah Kajian

Untuk tujuan kajian ini, penulis akan melakukan pengumpulan data dengan menyelenggarakan satu bentuk soal-selidik yang diberikan kepada guru-guru Bahasa Malaysia. Sekolah-sekolah yang dipilih dikategorikan sebagai sekolah bandar dan luar bandar atau sekolah A dan sekolah B. Penulis juga akan cuba meneliti karangan-karangan dan buku-buku tulisan murid untuk mengkaji sejauh mana pengaruh dialek ini pada pembelajaran bahasa murid.

Untuk meninjau sejauh mana pengaruh dialek ini pada pihak murid kaedah digunakan meninjau impresi atau kesan dari pihak guru yang mengajar mata pelajaran Bahasa Malaysia. Pemilihan guru-guru adalah dibuat secara rambang. Penulis juga akan membandingkan kesan pengaruh dialek antara sekolah bandar dan luar bandar. Dengan ini penulis ingin melihat sejauh manakah perbezaan pengaruh dialek antara sekolah bandar dan luar bandar dengan andaian bahawa sekolah bandar mempunyai kemudahan-kemudahan yang lebih, pergaulan murid yang lebih luas, latar belakang ibu bapa yang bekerja makan gaji dan pengaruh dari negeri lain. Selain dari itu, penulis juga akan melihat kemudahan perpustakaan di sekolah-sekolah tersebut.

0.5 Skop Kajian

Untuk tujuan kajian ini, penulis hanya menumpukan pada penggunaan dialek Negeri Sembilan di daerah Tampin sahaja. Dalam berinteraksi antara mereka, penduduk di daerah ini menggunakan dialek di setiap peringkat sosial dan umur. Kajian ini hanya tertumpu pada penggunaan dialek Negeri Sembilan di kalangan guru dan murid di daerah Tampin. Walau bagaimanapun, penggunaan dialek oleh murid hanya ditinjau dari impresi atau kesan guru sahaja, iaitu dari sudut fonologi, morfologi, leksis dan sintaksis. Penulis juga akan hanya menyemak buku-buku tulisan murid-murid Melayu sahaja untuk melihat sejauh mana pengaruh dialek pada pembelajaran BMS.

0.6 Masalah Kajian

Oleh kerana masalah pengaruh dialek kepada pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia Standard belum dapat dibuktikan oleh bukti-bukti linguistik (lihat Collins 1981: 97), maka terdapat kekurangan dalam bahan-bahan yang dapat dirujuk. Bahan-bahan yang ada lebih banyak yang berbentuk kajian.

0.7 Pentingnya Kajian

Terdapat persefahaman di kalangan tokoh-tokoh pendidikan tempatan khususnya dan masyarakat Malaysia amnya tentang pentingnya menguasai Bahasa Malaysia. Kepentingan ini jelas terutama sekali apabila kita menimbangkan matlamat sekali apabila

kita menimbangkan matlamat menjadikan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar utama sepenuhnya dari peringkat pengajian dasar hingga ke peringkat pengajian tinggi menjelang tahun 1983. Antaranya itu, usaha-usaha masih dipergiatkan dalam mengatur strategi dan mencari jalan untuk meningkatkan taraf pencapaian penguasaan Bahasa Malaysia yang lebih tinggi di sekolah-sekolah kita.

Berita-bekas keputusan peperiksaan dan dari pengalaman guru-guru di Malaysia jelas menunjukkan kemerosotan prestasi pelajar-pelajar Melayu dalam pencapaian mereka dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia. Berbagai-bagai andaian dikemukakan dalam usaha mengatasi masalah ini dan antara faktor yang diandaikan menyebabkan kemerosotan ini termasuklah faktor dialek. Kajian-kajian di negara-negara lain menunjukkan bahawa masalah dialek adalah masalah sensitif yang menjadi 'language interference' dalam proses pembelajaran bahasa standard. Justeru itu timbul kajian-kajian di negara kita untuk mengkaji punca-punca kemerosotan prestasi murid dalam pelajaran Bahasa Malaysia mereka. Kalau bagaimanapun kajian tentang pengaruh dialek terhadap proses pembelajaran Bahasa Malaysia Standard amat kurang dilakukan. Justeru itu, kajian ini merupakan percubaan dalam usaha untuk membuktikan pengaruh dialek kepada pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia Standard. Dengan itu, diharapkan kajian ini dapat memberi sumbangan dalam usaha

mempertingkatkan lagi taraf bahasa Malaysia standard di negara ini.

BAB III : ANALISIS PERBANDINGAN ANTARA
DIALEK MELAYU SEBUTILAN DAN
BAHASA MALAYSIA STANDARD

3.0 Pendahuluan

Bahasa pertuturan terdiri dari rentetan bunyi-bunyi yang dikeluarkan oleh alat artikulasi manusia. Ketika mengeluarkan bunyi itu, ia disertai pula dengan ragam-ragama atau atribusi-atribusi tertentu yang memberikan ciri tertentu pula kepada bunyi yang dihasilkan itu. Kelainan ciri pengwujudan inilah yang membezakan suatu dialek dengan dialek yang lain bagi sesuatu bahasa. Dalam bahagian pertama, kita telah melihat perbezaan antara dialek dan bahasa standard. Dalam bahagian ini pula, penulis cuba memperlihatkan variasi dialek Negeri Sembilan (DNS) daripada bahasa Malaysia Standard (BMS) dari aspek fonologi, morfologi dan sintaksis.

Dengan pengetahuan tentang sejauh mana variasi antara satu-satu dailek dengan bahasa standard, guru-guru bahasa akan dilengkapi dengan satu hiuristik dan dapatlah ia mengenalpasti kawasan-kawasan (area) yang bermasalah. Oleh itu guru haruslah mengenal dialek daerah dan pada masa yang sama juga haruslah menguasai bahasa Malaysia dengan baik. Dengan kata lain guru yang berdialektikal akan memahami masalah linguistik yang dihadapi oleh murid-muridnya. Dengan itu ia dapat merancangkan pengajarannya selaras dengan kurikulum.

3.1 Sistem Fonologi

Fonologi merupakan salah satu daripada komponen linguistik

yang merangkumi bidang yang berkaitan dengan struktur bunyi bahasa dan juga fungsinya dalam bahasa.

Menurut Trubetskoy (1969 :10) tugas fonologi ialah mengkaji perbezaan bunyi bahasa yang berkaitan dengan perbezaan makna dalam satu-satu bahasa, bagaimana elemen-elemen diskriminatif (atau penanda) berkaitan antara satu sama lain dan rumus-rumus yang menentukan kombinasi bunyi-bunyi yang membentuk kata-kata dan ayat. Menurutnya lagi, orang-orang Inggeris dan Amerika menggunakan istilah 'fonologi' sebagai pengkajian tentang bunyi-bunyi dalam sesuatu bahasa yang spesifik, sedangkan 'fonetik'¹⁰ adalah berhubung dengan pengkajian tentang konstitusi fizikal bunyi-bunyi ujaran (1969: 8). Trubetskoy membezakan fonologi sebagai kajian bunyi bahasa sedang fonetik pula sebagai kajian bunyi yang dihubungkan dengan laku-ucapan.

Sadanand Singh dan Kala Singh (1976: 214 - 215)

mendefinisikan fonologi sebagai:

'..... is the study of the relationships between speech sounds of a language. Because the construction of the phonological rules of a language is based on the phonetic interpretation of its speech sounds, a uniform set of symbols become necessary'.

Dari berbagai definisi di atas, fonologi dapat disimpulkan sebagai satu cabang linguistik yang mengkaji tentang sistem bunyi dalam satu-satu bahasa dan bagaimana ianya berfungsi dan berstruktur dalam membentuk kata-kata ayat menurut rumus-rumus

dalam bahasa tersebut.

Semua bahasa mempunyai bunyi-bunyi vokal dan konsonan yang diatur dalam suku kata. Properti ini merupakan kesejagatan linguistik dalam semua bahasa. Maka, untuk melihat variasi antara satu bahasa dengan bahasa lain, perlu dilihat pada invensi bunyi, peraturan bunyi dan proses-proses yang berlaku.

3.1.1 Sistem Vokal


Kelainan yang signifikan pada satu-satu dialek kerap kali terletak pada bunyi-bunyi vokalnya, kerana cara pengwujudan bunyi-bunyi vokal itu memang mudah. Bunyi-bunyi vokal dihasilkan dengan tidak membuat sebarang sekatan, hambatan atau rintangan kepada arus udara yang dipompakan dari paru-paru yang mengalir melalui rongga mulut ke bibir atau keluar. Semasa menghasilkan bunyi vokal, pita suara digetarkan. Oleh itu vokal lahir dengan lebih jelas dan lebih lantang jika dibandingkan dengan bunyi-bunyi yang bukan vokal.

Menurut Asmah (1977: 20), sistem vokal dalam bahasa standard dan sebahagian besar dari dialek-dialek Kelayu diperingkat bukan standard, terdiri dari vokal-vokal kardinal. Kekecualan dari peraturan ini ialah dialek Kelantan yang vokal-vokalnya adalah vokal sekunder. Vokal-vokal dalam kumpulan Ek - Ked - Pen - Ne - Sr merupakan vokal kardinal primer sedangkan dalam dialek Kelantan vokal ini mempunyai nilai sekunder (Asmah 1977 : 21).

3.1.1.1 Variasi vokal antara BMS dan DNS

Pada dasarnya, bahasa Kelayu mempunyai enam vokal primer yang terdiri dari tiga vokal depan /i/, /e/, /ə/, dua vokal belakang /u/, /o/ dan satu vokal tengah /ɜ/. Dialek Johor masih mempertahankan sistem enam vokal ini (Farid Md. Onn 1976: 29).

Dalam vokal DNS, terdapat puncak kelantangan yang nyata, samada sebagai suku kata atau sebagai unsur dalam urutan bunyi dalam suku kata (Sharman Abu 1973: 559). Bunyi vokal boleh memodifikasikan bunyi yang bukan vokal. Tingkat vokal ditentukan dengan melihat kedudukan lidah ketika pengucapan dilakukan. Kedudukan lidah itu tinggi, agak tinggi, agak rendah dan rendah.



Carta 1: Bunyi-Bunyi Vokal Tulin dalam DNS
(Sharman Abu 1973: 560)

Bunyi vokal dalam DNS dapat dibahagi kepada dua bahagian iaitu vokal tulin dan vokal yang dinasalkan. Vokal tulin adalah bunyi-bunyi vokal yang distinktif. Bunyi-bunyi vokal ini dapat

digolongkan mengikut pertimbangan iaitu bahagian lidah yang mana: depan, tengah atau belakang dan kedudukan lidah yang bagaimana: tinggi, agak tinggi, agak rendah atau rendah di dalam rongga oral semasa bunyi vokal itu dihasilkan. Berdasarkan bahagian lidah yang berperanan dan kedudukan lidah yang terlibat, bunyi-bunyi vokal itu dapat digolongkan kepada dua golongan iaitu vokal depan /i/, /e/, /ɛ/ dan /a/ dan vokal belakang /u/, /o/ dan /ɔ/. Kalau mengikut pencartaan kardinal, maka, dapatlah hasilnya ditunjukkan seperti Carta 1 di atas.

3.1.1.1.1 Penyebaran Vokal /i/

Vokal /i/ ini boleh sebagai fonem awal atau boleh didahului oleh konsonan awal, misalnya dalam perkataan /itu/ atau seperti contoh di bawah:

<u>kata</u>	<u>BMS</u>	<u>DNS</u>
pilih	[pilih]	[pilih]
tingkap	[tingkap]	[tingkap]

Dalam perkataan tertentu, vokal /e/ yang diikuti oleh konsonan akhir dalam BMS berubah menjadi vokal /i/ pada kedudukan yang sama dalam DNS, misalnya:

<u>kata</u>	<u>BMS</u>	<u>DNS</u>
kunyt	[kujet]	[kunit]
angin	[agen]	[agin]
kuning	[kunen]	[kuniŋ]

3.1.1.1.2 Penyebaran vokal /e/

Vokal /e/ yang biasanya terdapat pada awal dan tengah kata, tidak wujud pada posisi tersebut dalam DNS. Vokal ini boleh wujud sebagai elemen kedua dalam satu urutan vokal, misalnya dalam [ˈkaen]

Dalam DNS, vokal /e/ yang wujud pada lingkungan akhir kata adalah perubahan dari kata-kata yang berakhir dengan / -ir / dan / -il / dalam BMS, misalnya:

<u>kata</u>	<u>BMS</u>	<u>DNS</u>
ukir	[ˈukir]	[ˈuke]
bibir	[ˈbibir]	[ˈbibe]
panggil	[ˈpanggil]	[ˈpange]
tahlil	[ˈtahlil]	[ˈtahle]

Dari contoh-contoh di atas, rumus berikut dibentuk untuk menunjukkan perubahan tersebut:

$$\begin{aligned} \text{Rumus 1 :} \quad & \text{(i) } K_{(\text{likuida})} \rightarrow \emptyset / ______ \# \\ & \text{(ii) } i \rightarrow e / ______ \# \end{aligned}$$

3.1.1.1.3 Penyebaran vokal /ɛ/

Oleh kerana vokal /e/ tidak terdapat pada awal dan tengah kata dalam DNS, maka vokal ini diganti oleh vokal /ɛ/ iaitu vokal depan yang agak rendah, misalnya:

<u>kata</u>	<u>BMS</u>	<u>DMS</u>
elok	[elo2]	[elo2]
enak	[eno2]	[eno2]
esok	[eso2]	[eso2]
tengok	[tengo2]	[təŋo2]
belok	[belo2]	[bɛlo2]
sepak	[sepa2]	[sepa2]

Contoh-contoh di atas memperlihatkan adanya perubahan dari vokal /e/ menjadi vokal /ɛ/. Oleh itu kita dapat membuat kesimpulan bahawa vokal /e/ pada lingkungan awal dan tengah kata dalam BMS sama dengan vokal /ɛ/ pada posisi yang sama dalam DMS. Vokal /ɛ/ yang menggantikan vokal /e/ dalam bahasa standard itu menunjukkan adanya kesepadanan bunyi /-el #/ dan /-er #/ dalam BMS, misalnya:

<u>kata</u>	<u>BMS</u>	<u>DMS</u>
leher	[leher]	[leɪhɛ]
leper	[leper]	[leɪpɛ]
gehel	[gehel]	[gɛhɛ]

3.1.1.1.4 Penyebaran Vokal /a/

Apabila vokal ini dilingkungan akhir kata penyebutannya selalunya dipanjangkan. Vokal ini juga boleh mengambil kedudukan elemen pertama atau kedua dalam satu urutan vokal misalnya, [bae2] dan [bia2]. Vokal /a/ yang berada di awal kata atau didahului oleh konsonan pertama bersepadanan dengan /a/ dalam BMS, misalnya, [ana2],

[atap_], [baru_] dan [kaki_].

Tetapi perkataan-perkataan dalam BMS yang berakhir dengan / -ar / dan / -ai / akan berakhir dengan / -a / sahaja dalam DNS, misalnya:

<u>kata</u>	<u>BMS</u>	<u>DNS</u>
besar	[besar_]	[bosa_]
kasar	[kasar_]	[kasa_]
gatal	[gatal_]	[gata_]
bantal	[bantal_]	[banta_]

Dari contoh-contoh di atas konsonan /r/ dan /l/ yang berada di lingkungan akhir perkataan akan mengalami proses pengguguran. Walau bagaimanapun konsonan-konsonan akhir iaitu / -p/, / -ʔ/, / -m /, / -n /, / -ŋ / yang didahului oleh vokal /a/ tidak akan digugurkan dalam DNS. Dengan kata lain dikekalkan misalnya, [atap_], [ajaʔ_], [ayam_], [kawan_] dan [layan_].

Perkataan-perkataan yang berakhir dengan konsonan /t/ dan didahului oleh vokal /a/ dalam DNS tidak akan mengalami variasi dari BMS, misalnya; [bulat_], [kilat_], [silat_] dan [minat_]. Tetapi terdapat juga perkataan yang berakhir dengan / -at / dalam BMS akan dibunyikan sebagai / -ɛʔ/ dalam DNS, misalnya:

<u>kata</u>	<u>BMS</u>	<u>DNS</u>
lalat	[lalat_]	[lalɛʔ_]
kuat	[kuat_]	[kuɛʔ_]

buat	[<u>buat</u>]	[<u>busɛʔ</u>]
berat	[<u>berat</u>]	[<u>bɔʔɛʔ</u>]
darat	[<u>darat</u>]	[<u>darɛʔ</u>]

3.1.1.1.5 Penyebaran Vokal /ɔ/

Vokal /ɔ/ ini merupakan variasi dari vokal /a/ atau /o/ dalam BMS. Ianya boleh mengambil tempat di awal kata atau boleh didahului oleh konsonan awal, misalnya; [ɔʔɛʔ], [ɔtɔt], [bɔdɔh] dan [tɔlɔŋ].

Vokal /a/ yang wujud di akhir kata dalam BMS akan direalisasikan sebagai vokal kardinal agak rendah /ɔ/ dalam DNS, misalnya:

<u>kata</u>	<u>BMS</u>	<u>DNS</u>
kata	[<u>kata</u>]	[<u>katɔ</u>]
jika	[<u>jika</u>]	[<u>jikɔ</u>]
lama	[<u>lama</u>]	[<u>lamɔ</u>]
meja	[<u>meja</u>]	[<u>mejɔ</u>]

Dari contoh-contoh di atas, rumus berikut dibentuk untuk menunjukkan perubahan itu:

Rumus 2 : a $\longrightarrow$ ɔ / ɛ _____ #

Vokal /ɔ/ dalam DNS ini juga bersepadanan dengan vokal /a/ yang terdapat di awal kata atau didahului oleh konsonan awal dalam perkataan-perkataan dalam BMS, misalnya:

bunyinya agak memanjang. Vokal ini boleh wujud sebagai elemen kedua dalam urutan vokal misalnya; [jaoh_] dan [gao_]. Vokal /o/ dalam DNS adalah perubahan dari vokal /u/ dalam suku kata akhir tertutup dalam BMS, misalnya:

<u>kata</u>	<u>BMS</u>	<u>DNS</u>
tutup	[tutup_]	[tutop_]
lakut	[lakut_]	[lakot_]
dutub	[dutub_]	[dubot_]
dauu	[dauu_]	[daou_]
eluu	[eluu_]	[elou_]

Dari contoh-contoh di atas, dapat dibentuk rumus berikut untuk menunjukkan perubahan tersebut:

$$\text{Rumus 1: } u \rightarrow o \text{ / } \underline{\hspace{1cm}}$$

3.1.1.1.7 Penyebaran Vokal /u/

Vokal /u/ yang terdapat pada awal kata atau yang didahului oleh konsonan awal bersepadanan dengan vokal /u/ pada posisi yang serupa dalam BMS, misalnya; [uke_], [untɔŋ_], [puko_] dan [tunggu_]. Vokal /u/ dalam DNS yang terdapat di akhir perkataan adalah juga bersepadanan dengan vokal /u/ di akhir perkataan dalam BMS, misalnya; [itu_], [malu_], [sapu_] dan [siku_].

Tetapi vokal /u/ dalam DNS merupakan variasi vokal /o/ pada posisi suku kata akhir tertutup dalam BMS, misalnya:

<u>kata</u>	<u>BMS</u>	<u>DNS</u>
pungut	[ˈpʊŋot]	[ˈpʊŋut]
busuk	[ˈbusoʔ]	[ˈbusuʔ]
senyum	[ˈsɛjʊm]	[ˈsɛjʊm]
tenun	[ˈtɛnon]	[ˈtɛnun]
gunung	[ˈɡunon]	[ˈɡunʊŋ]

3.1.1.2 Vokal Yang di Nasalkan

Pada umumnya, bentuk nasal dalam DNS mempunyai peranan yang serupa dengan bentuk-bentuk yang menerima imbuhan /*mp-*/, yang berfungsi sebagai kata kerja dalam dialek tersebut. Misalnya, apabila kata dasar dimulai dengan konsonan selain dari /*l*/ dan /*r*/, bentuk yang wujud tidak lagi dimulai dengan konsonan itu tetapi dengan konsonan nasal yang berhomoganik dengannya, misalnya:

<u>kata</u>	<u>BMS</u>	<u>DNS</u>
pandang	[ˈpandʌŋ]	[ˈmandʌŋ]
bawa	[ˈbawa]	[ˈmawaʔ]
tengok	[ˈtɛŋoʔ]	[ˈnɛŋoʔ]
dukung	[ˈdukuŋ]	[ˈnukoŋ]
kikis	[ˈkikis]	[ˈŋikih]

Jika kata dasar dimulai dengan konsonan nasal, maka bentuk nasal yang wujud akan mempunyai kesamaan fonetik dengannya, misalnya:

<u>kata</u>	<u>DNS</u>
[ˈmasaʔ]	[ˈmasaʔ]

<u>mandi</u>	<u>mandi</u>
<u>jeni</u>	<u>nani</u>

Dalam kebanyakan kes, apabila kata dasar dimulai dengan konsonan bersuara, bentuk nasal yang wujud akan mempunyai konsonan nasal yang homoganik dengan konsonan awalan tadi, misalnya:

<u>kata</u>	<u>DNS</u>
<u>baco</u>	<u>maco</u>
<u>doja</u>	<u>nɔja</u>
<u>jadi</u>	<u>padi</u>
<u>cuci</u>	<u>puçi</u>

Semua kata dasar yang dimulai dengan vokal, konsonan nasal /n/ akan diimbuhkan pada awal perkataan untuk mewujudkan bentuk nasalnya, misalnya:

<u>kata</u>	<u>DNS</u>
<u>ikɛɿ</u>	<u>ŋikɛɿ</u>
<u>ɛlaɿ</u>	<u>ŋelaɿ</u>
<u>ajaɿ</u>	<u>ŋajaɿ</u>
<u>ɔmpɛh</u>	<u>ŋɔmpɛh</u>
<u>ubah</u>	<u>ŋubah</u>

Dalam DNS, vokal nasal tidak bersifat fonemik iaitu membezakan makna pada kata-kata yang mempunyai pasangan minimal, seperti yang diujahkan oleh Hendon (1966: 16). Ini telah dibincangkan oleh Farid Onn dalam disertasi beliau (1976: 120 - 126).

3.1.2 Sistem Konsonan

Dalam pengkajian dialek yang dipertuturkan oleh masyarakat sehari-hari, seharusnya tidak boleh ditinggalkan diskripsi mengenai sistem bunyi konsonan dan juga atribusi-atribusi yang lain umpamanya ciri-ciri suprasegmental bahasa yang dikaji itu. Ciri-ciri suprasegmental dalam DNS tidak bersifat distinktif dalam prosen pengujudan kata-kata. Walau bagaimanapun, seperti bahasa-bahasa yang lain juga, DNS mempunyai bunyi-bunyi konsonan yang distinktif (Sharman Abu 1974: 277). Pada dasarnya bahasa Melayu mempunyai 26 fonem konsonan-konsonan. Tujuh daripada fonem ini iaitu /f/, /ʃ/, /x/, /v/ dan /d/ adalah fonem yang dipinjam dari bahasa Arab dan Inggeris.

Konsonan ialah segmen kepada suku kata. Bunyi-bunyi konsonan diwujudkan dengan mengadakan penglibatan alat artikulator pada daerah artikulasi tertentu dalam rongga oral. Penglibatan ini berupa hentian, hambatan, sekatan, sempitan dan berbagai-bagai cara gangguan lagi dibuatkan kepada arus udara yang dipompakan dari paru-paru.

Dalam DNS, pada dasarnya terdapat 19 fonem konsonan termasuk 2 bunyi separuh vokal. Ini dapat diperhatikan dalam carta dibawah:

Flosif	p b	t d	k g
Afrikat		ʧ ʤ	
Nasal	m	n	ɲ ɳ
Lateral		l	
Frikatif		s	h
Semi-Vokal	w		y

Carta 2 : Menunjukkan realisasi Fonetik bagi
bunyi-bunyi konsonan dalam DNS

3.1.2.1 Variasi Konsonan

Penulis tidak akan memhincangkan sistem konsonan dalam bahasa Melayu tetapi hanya akan menekankan pada variasi yang distinktif antara BMS dan DNS pada konsonan-konsonan tertentu sahaja iaitu:- /r/, /s/, /h/, /t/ dan /l/.

3.1.2.1.1 Variasi Konsonan /r/

Pada peringkat bukan standard, dialek-dialek Melayu tidak dicirikan oleh kehadiran getaran alveoli /r/. Fonem ini hadir dalam BMS sahaja. Dalam DNS, konsonan /r/ yang berposisi di pangkal atau di tengah kata, akan berubah bunyinya menjadi frikatif velar /ʁ/. Misalnya:

<u>kata</u>	<u>BMS</u>	<u>DNS</u>
ramai	[ramai_]	[ʁamai_]
ramah	[ramah_]	[ʁamah_]
rumah	[rumah_]	[ʁumah_]

harap	[harap_]	[haʔap_]
karat	[karat_]	[kaʔat_]
sarat	[sarat_]	[saʔat_]

Vokal /ɔ/ yang agak rendah membentuk suku kata untuk melepaskan konsonan rangkap dan bunyi velar /r/ itu, misalnya:

<u>kata</u>	<u>BMS</u>	<u>DNS</u>
pernah	[pernah_]	[pɔʔnah_]
cermat	[cermat_]	[cɔʔmat_]

Dari contoh-contoh di atas, dapat disimpulkan bahwa fonem /r/ dalam BMS akan direalisasikan sebagai /ʔ/ dalam DNS. Apabila fonem /r/ ini terletak di hujung kata dalam dialek umum bahasa Melayu, maka /r/ akan luluh atau gugur dalam DNS. Rumus ini juga diaplikasikan pada imbuhan 'ber' dan 'ter', misalnya:

<u>kata</u>	<u>BMS</u>	<u>DNS</u>
gelar	[gelar_]	[gɔla_]
besar	[besar_]	[bɔsa_]
sebar	[sebar_]	[sɛba_]
berbaring	[berbaring_]	[bɔbaʔin_]
tertangkap	[tertangkap_]	[tɔtaŋkap_]
perpaduan	[perpaduan_]	[pɔpaduan_]

Oleh itu kita dapat membentuk satu rumus yang dapat menunjukkan variasi tersebut seperti berikut:

Rumus 6 : r $\longrightarrow$ ɔ / _____ #

3.1.2.1.2 Variasi Konsonan /s/

Konsonan /s/ dalam dialek umum bahasa Melayu juga akan mengalami variasi apabila diucapkan dalam DNS. Perbezaan bunyi sebutan terjadi apabila posisi konsonan tersebut berada di akhir kata. Bagi kata-kata yang berakhir dengan fonem /s/ yang didahului oleh vokal /i/ dan /a/ maka konsonan tersebut berubah menjadi konsonan /h/, misalnya:

<u>kata</u>	<u>BMS</u>	<u>DNS</u>
habis	[habis_]	[abih_]
nipis	[nipis_]	[nipih_]
lapis	[lapis_]	[lapih_]
beras	[beras_]	[bɔvɛh_]
tebas	[tebas_]	[tɔbɛh_]
kapas	[kapas_]	[kapɛh_]

Dari contoh-contoh di atas kita dapati fonem /s/ pada kedudukan akhir kata dalam DNS adalah variasi dari konsonan /h/ dan vokal /a/ juga akan turut berubah menjadi /ɛ/ apabila kata itu berakhir dengan /h/. Dengan itu kita boleh membina rumus untuk menunjukkan variasi tersebut seperti berikut:

$$\begin{array}{lcl}
 \text{Rumus 7 :} & (i) & s \longrightarrow h / \text{_____} \# \\
 & (ii) & a \longrightarrow \varepsilon / \text{_____} s \#
 \end{array}$$

Jika konsonan /s/ pada kedudukan akhir kata didahului oleh vokal /u/ maka, proses pendiftongan akan berlaku. Perubahan bunyi yang berlaku akan ketara sekali kelatangannya apabila ditambah

suatu vokal antara vokal /u/ dan konsonan /s/ pada kata tersebut.

Ini menghasilkan morfem seperti KVVK. Adanya vokal rangkap pada morfem itu menjelaskan lagi bunyi glotal /h/ bagi menggantikan geseran /s/ dalam kata tersebut, misalnya:

<u>kata</u>	<u>BMS</u>	<u>DNS</u>
ratus	[ratus_]	[ratuih_]
hapus	[hapus_]	[hapuih_]
kabus	[kabus_]	[kabuih_]

Variasi yang sama juga berlaku apabila terdapat vokal /ɔ/ sebelum konsonan /s/ pada posisi akhir kata, misalnya:

<u>kata</u>	<u>BMS</u>	<u>DNS</u>
boros	[boros_]	[borɔih_]

Oleh itu untuk membina rumus bagi menunjukkan variasi yang terjadi, kita boleh mengaplikasikan rumus 7 (i).

Tetapi vokal /i/ akan disisipkan jika /h/ didahului oleh vokal belakang /u/ dan /ɔ/ menjadi:

$$\text{Rumus 8 : } \emptyset \longrightarrow i / V \text{ (bel) } s^{\#}$$

3.1.2.1.3 Variasi Konsonan /t/

Apabila konsonan /t/ berada diposisi akhir dalam sesuatu kata dan didahului oleh konsonan /a/, maka /t/ akan berubah menjadi /ʔ/ dan vokal /a/ berubah menjadi /ɛ/, misalnya:

<u>kata</u>	<u>BMS</u>	<u>DMS</u>
cepat	[cepat_]	[cɔpɛɪ_]
tempat	[tempat_]	[tɔmpɛɪ_]
sempat	[sempat_]	[sɔmpɛɪ_]
lompat	[lompat_]	[lɔmpɛɪ_]
empat	[empat_]	[ɔmpɛɪ_]

Perlu dinyatakan di sini, bahawa peraturan ini tidaklah menyeluruh digunakan dalam DNS kerana dialek umum bahasa Melayu, telah banyak mempengaruhi DNS. Misalnya, kata-kata seperti rapat [rapat_], mayat [mayat_], karat [karat_] dan hebat [hebat_] tetap kekal seperti dialek umum lainnya.

3.1.2.1.4 Variasi Konsonan /h/

Konsonan hambat /h/ yang terdapat pada awal kata sahaja dalam dialek umum bahasa Melayu akan luluh atau gugur dalam kata-kata yang sama dalam DNS, misalny:

<u>kata</u>	<u>BMS</u>	<u>DMS</u>
habis	[habis_]	[abih_]
halau	[halau_]	[alau_]
hendak	[hendak_]	[ɔndaɪ_]
hentak	[hentak_]	[ɔntaɪ_]

Oleh itu kita boleh membuatkan rumus untuk menunjukkan variasi ini seperti berikut:

Rumus 9 : h $\longrightarrow$ $\emptyset$ / #_____

3.1.2.1.5 Variasi Konsonan /l/

Asmah (1977: 10) memberikan beberapa variasi /l/ dalam dialek-dialek bukan standard dari bahasa standard. Untuk tujuan ini, hanya perbandingan antara DNS dan BMS sahaja yang akan dibincangkan di sini. (Sila lihat rumus 10).

Rumus 10: (Asmah 1977: 10)

	<u>BMS</u>	<u>DNS</u>
(i)	-al #	-a #
(ii)	-ul #	-oy #
(iii) (a)	-il #	-e #
(b)	-il #	-eʔ #
(c)	-il #	-iʔ #

Penghilangan konsonan lateral /l/ dalam DNS apabila konsonan tersebut berada di akhir kata seperti yang ditunjukkan dalam rumus di atas, dapat diterangkan seperti berikut:-

- (a) Apabila suatu kata dalam dialek umum bahasa Melayu berakhir dengan konsonan /l/ dan sebelumnya terdapat vokal /a/, maka konsonan tersebut akan hilang dalam DNS, misalnya:

<u>kata</u>	<u>BMS</u>	<u>DNS</u>
bekal	[bekal]	[bɔka]
bantal	[bantal]	[banta]
tebal	[tebal]	[tɔba]
sesal	[sesal]	[sɔsa]

Rumus 10 (i) 1 $\longrightarrow$ $\emptyset$ / _____ #

- (b) Jika kata dalam dialek umum bahasa Melayu itu berakhir dengan konsonan /l/ tetapi sebelumnya terdapat vokal /u/, maka dalam DNS, kedua-dua konsonan dan tempatnya digantikan dengan vokal belakang yang agak rendah iaitu vokal /o/, misalnya:

<u>kata</u>	<u>BMS</u>	<u>DNS</u>
pukul	[pukul_]	[puko_]
kumpul	[kumpul_]	[kumpo_]
cangkul	[caŋ kul_]	[caŋko_]
sampul	[sampul_]	[sampo_]

Oleh itu, terpaksa melakukan pembetulan pada rumus yang telah dibuat oleh Asmah. Dengan demikian rumus 10 (ii) menjadi:-

$$-ul \# \longrightarrow o \#$$

Dalam rumus di atas /l/ perlu digugurkan dahulu sebelum /u/ berubah menjadi /o/. Dengan demikian proses tersebut dapat diterangkan melalui rumus berikut:-

$$\begin{array}{ll} \text{(i)} & l \longrightarrow \emptyset / _____\# \\ \text{(ii)} & u \longrightarrow o / _____\# \end{array}$$

- (c) Jika kata dalam dialek umum bahasa Melayu itu berakhir dengan konsonan /l/ tetapi sebelumnya terdapat vokal tinggi /i/, maka terdapat tiga jenis variasi yang akan berlaku dalam DNS iaitu:-

$$\begin{array}{ll} \text{Rumus 10 (iii)} & \text{(a) } -il \# \longrightarrow e \# \\ & \text{(b) } -il \# \longrightarrow e? \# \\ & \text{(c) } -il \# \longrightarrow i? \# \end{array}$$

Misalnya:

<u>kata</u>	<u>BMS</u>	<u>DNS</u>
katil	⌈katil_⌋	⌈kate_⌋
hasil	⌈hasil_⌋	⌈hase_⌋
hamil	⌈hamil_⌋	⌈hame_⌋
dalil	⌈dalil_⌋	⌈dale_⌋
bedil	⌈bedil_⌋	⌈bade_⌋
ambil	⌈ambil_⌋	⌈ambe_⌋
kecil	⌈kecil_⌋	⌈koci_⌋

Dari contoh-contoh di atas, proses yang berlaku dapat diterangkan melalui rumus yang berikut:-

$$\begin{aligned} \text{Rumus 10 (iii a)} \quad (i) \quad 1 &\longrightarrow \emptyset / _____\# \\ (ii) \quad 1 &\longrightarrow e / _____\# \end{aligned}$$

Dalam rumus di atas /l/ perlu digugurkan dahulu sebelum /i/ berubah menjadi /e/.

3.1.2.1.6 Variasi Konsonan Plosif

Terdapat beberapa perkataan yang berakhir dengan konsonan plosif bersuara iaitu /b/, /d/ dan /g/, dimana konsonan-konsonan tersebut akan direalisasikan sebagai plosif tak bersuara dalam DNS, misalnya:

<u>kata</u>	<u>BMS</u>	<u>DMS</u>
sebab	[-səbap_]	[-səbap_]
abad	[-abat_]	[-abat_]
beg	[-bet_]	[-bet_]

Konsonan-konsonan seperti /b/, /d/, /g/, /ʃ/ dan /j/ tidak dapat menempati lingkungan akhir kata dalam sistem fonologi Melayu yang sejati. Maka fonem ini akan menerima perubahan nilai-nilai fonetik supaya timbul penyesuaian dengan sistem fonologi dialek Melayu. Hal ini berlaku terutama sekali pada kata-kata pinjaman yang mempunyai fonem-fonem seperti yang disebutkan di atas pada lingkungan akhir kata.

3.2 Sistem Morfologi

Morfologi ialah bahagian tatabahasa yang mengkaji hubungan antara morfem-morfem dan pembentukan kata-kata (Nida 1963: 1). Sebenarnya ada dua unit yang terlibat dalam pembentukan kata-kata iaitu morfem dan kata. Morfem tidak harus dikelirukan dengan kata.

Bentuk kata itu bermaksud bentuk fonologi atau tulisan sesuatu kata itu (Abdullah Hassan 1980: 103). Lazimnya, sesebuah kata itu terbentuk dari satu atau lebih morfem. Morfem ialah unit yang terkecil dalam bahasa yang membawa makna atau tugas nahu. Morfem dalam bahasa Melayu dan variasi dialeknya boleh diklasifikasi kepada dua iaitu:

1. morfem bebas: morfem yang dapat wujud bersendirian tanpa bantuan dari morfem lain.

2. morfem terikat: morfem yang mesti dipakai bersama dengan sekurang-kurangnya sebuah bentuk morfem lain.

Kata-kata dalam bahasa Melayu dapat dianalisis dengan cara pemenggalan segmen. Ini bermaksud bahawa setiap morfem pada umumnya, diwakili oleh satu penggal dalam kata fonologis (Abdullah Hassan 1980: 110). Unsur-unsur yang membentuk kata-kata itu terdiri dari morfem-morfem dan terdapat tiga proses pembentukan kata dalam bahasa Melayu iaitu pengimbuhan, penggandaan dan pemajmukan. Ketiga-tiga proses ini tidaklah terjadi secara berasing-asingan tetapi sebenarnya berlaku serentak dalam satu konstruksi yang lebih besar.

Penulis menyetujui pendapat Maimoon (1979: 44) yang mengatakan bahawa pengimbuhan merupakan bahagian yang lebih banyak menerima pengaruh dialek dalam proses pembelajaran bahasa Malaysia standard di kalangan pelajar-pelajar. Oleh itu, penulis akan memberi penekanan khusus pada bahagian ini.

Perbandingan dalam bidang morfologi antara DNS dan BMS dapat dilihat dalam aspek berikut:

1. struktur morfem terikat
2. pemakaian morfem terikat dalam DNS
3. penyisipan
4. penggandaan

3.2.1 Struktur Morfem Terikat

Terdapat perbezaan antara struktur morfem terikat antara DNS dan BMS. Perbezaan ini dapat dilihat pada struktur imbuhan awalan, imbuhan akhiran dan imbuhan terbahagi. Misalnya, dalam DNS hanya terdapat satu jenis struktur imbuhan awal iaitu struktur KV di mana, pengucapan V disingkat atau dipendekkan, misalnya /bɔ/ dalam [ˈbɔʝalan] sedangkan dalam BMS terdapat dua jenis struktur iaitu; (i) KV di mana V diucapkan dengan lebih jelas, misalnya /se/ dalam [ˈsebuah] dan (ii) KVK, misalnya /ber/ dalam [ˈberlalu]. Perbandingan struktur imbuhan awalan ini dapat dilihat dalam jadual di bawah:

<u>BMS</u>	<u>DNS</u>
KV/KVK	KV
tər	tɔ
bər	bɔ
pər	pɔ
kə	kɔ
di	di
mə	mɔ
sə	sɔ

Perbezaan juga terdapat dalam struktur akhiran antara DNS dan BMS. Akhiran dalam DNS mempunyai dua jenis struktur iaitu (i) VK misalnya, /-an/ dalam [ˈlupʝan] dari kata 'lupakan' dan [ˈlaotan] dari kata 'lautan' dan (ii) V, misalnya, /-i/ dalam

[ketahui], sedangkan BMS mempunyai tiga struktur yaitu (i) KVK, misalnya /-kan/ dalam [belikan], (ii) VK misalnya, /-an/ dalam [buritan] dan (iii) V misalnya, /-i/ dalam [tiduri]. Berikut diberikan perbandingan struktur akhiran antara DNS dan BMS:

<u>BMS</u>	<u>DNS</u>
-kan	-an
-an	-an
-i	-i

Seterusnya, struktur imbuhan terbahagi juga berbeza antara DNS dan BMS. Dalam DNS, terdapat dua jenis struktur imbuhan terbahagi iaitu (i) KV VK misalnya, / mɔ an / dalam [məlayian] dari kata 'melarikan' dan / kɔ an / dalam [kəlaotan], (ii) KV V misalnya, / mɔ i / dalam [mənidoi] sedangkan dalam BMS, terdapat tiga struktur iaitu (i) KV KVK misalnya, / mə kan / dalam [məmulakan] (ii) KV VK misalnya / kə an / dalam [kəwanitaan] dan (iii) KV V misalnya, / mə i / dalam [məlampau]. Berikut diberikan perbandingan struktur imbuhan terbahagi antara DNS dan BMS:

<u>BMS</u>	<u>DNS</u>
KV KVK / KV VK / KV V	KV VK / KV V
mə kan	mɔ an
pə an	pɔ an
mə i	mɔ i

kə an	kɔ an
bə an	bɔ an
təkan	tɔ an
di an	di an

3.2.2 Pemakaian Morfem Terikat

Selain dari bentuk morfem terikat yang monosukuan yaitu mɔ, pɔ, bɔ, tɔ, kɔ, di dan sɔ, terdapat juga bentuk morfem terikat yang berstruktur dwisukuan seperti mɔmpɔ, dikɔ, bɔkɔ, dan dipɔ. Tetapi bentuk morfem yang monosilabik lebih sering digunakan dalam DNS berbanding dengan bentuk yang berstruktur dwisukuan. Akhiran /-an/ dan /-kan/ (dibunyikan sebagai /-an/ dalam DNS) lebih sering digunakan daripada akhiran /-i/.

Walau bagaimanapun tidak semua kata dasar dalam DNS dapat menerima imbuhan. Variasi ini dapat ditunjukkan melalui beberapa cara, iaitu;

1. menerima imbuhan awalan sahaja misalnya, /pɔ/ dalam [pɔʔamah_] dan / bɔ/ dalam [bɔlaɣi_].
2. menerima imbuhan akhir sahaja misalnya, /-an/ dalam [sɔʔɔpehan_].
3. menerima kedua-dua imbuhan awal dan akhir misalnya, / kɔan/ dalam [kɔʔjadian_], / mɔ.....an / dalam [mɔʔɔsɔʔan_] dan / di.....i/ dalam [disusui_].

3.2.2.1 Awalan /mɔ/ (/mə/ → /mɔ/)

Awalan /mɔ/ dalam DNS mempunyai fungsi yang sama dengan

bentuk nasal misalnya, [mɔŋikɛɛ] disebut sebagai [ŋikɛɛ] sahaja. Awalan /mɔ-/ ini bersepadanan dengan /mə-/ dalam BMS.

Apabila kata dasar bermula dengan konsonan luncuran atau konsonan nasal, /mɔ-/ akan diimbuhkan pada kata dasar tersebut untuk membentuk kata kerja. Misalnya, [luʃu] menjadi [mɔluʃu], [ʔayau] menjadi [mɔʔayau]. Jika kata dasar dimulai dengan konsonan-konsonan lain, maka /mɔ-/ akan diimbuhkan pada bentuk dasar yang sudah dinasalkan, misalnya; [pulu] menjadi [mɔmulu] dan [tɛŋɔɛ] menjadi [mɔnɛŋɔɛ].

Awalan /mɔ-/ yang diimbuhkan pada kata dasar yang bermula dengan vokal akan diimbuhkan pada kata dasar itu terus atau kepada bentuk nasalnya, misalnya; [ubah] menjadi [mɔŋubah] dan [ɛlaɛ] menjadi [mɔŋɛlaɛ].

3.2.2.2 Awalan /pɔ/ (/pɛ/ → /pɔ/)

Awalan /pɔ/ ini seperti /mɔ/ juga mempunyai kesamaan dalam cara pengimbuhanannya dalam DNS. Misalnya, apabila kata dasar dimulakan dengan konsonan nasal, maka awalan /pɔ/ akan diimbuhkan terus pada kata dasar tersebut misalnya, [malɛh] menjadi [pɔmalɛh] dan [nanti] menjadi [pɔnanti]. Jika kata dasar dimulai dengan konsonan geluncuran, awalan /pɔ/ seperti /mɔ/ ini juga akan diimbuhkan pada kata dasar tersebut misalnya, [lumbɔ] menjadi [pɔlumbɔ] dan [lupɔ] menjadi [pɔlupɔ].

Apabila kata dasar dimulakan dengan konsonan-konsonan lain,

selain dari konsonan nasal dan geluncuran, awalan /pɔ/ ini akan diimbuhkan pada bentuk dasar yang sudah dinasalkan misalnya, [puko] menjadi [pɔmuko], [gali] menjadi [pɔŋgali] dan [takut] menjadi [pɔnekut]. Peraturan yang sama juga berlaku bila kata dasar bermula dengan vokal dan /pɔ/ diimbuhkan pada bentuk nasalkan misalnya, [ubah] menjadi [pɔŋubah], [ikot] menjadi [pɔŋikot] dan [ikɛɾ] menjadi [pɔŋikɛɾ]. Kadangkala terdapat beberapa perkataan yang menerima sendi /-ɣ-/ , apabila awalan /pɔ/ diimbuhkan pada kata dasar misalnya, [ageh] menjadi [pɔageh] dan [ɔmpap] menjadi [pɔɣɔmpap].

3.2.2.3 Awalan /bɔ/ (/ber/ → /bɔ/)

Awalan /bɔ/ dalam DNS ini adalag bersepadanan dengan /ber/ dalam BMS yang membawa pengertian refleksif atau melakukan perbuatan untuk diri sendiri. Jika kata dasar bermula dengan konsonan, maka awalan /bɔ/ akan terus diimbuhkan pada kata dasar tersebut misalnya, [laɾi] menjadi [bɔlaɾi], [jua] menjadi [bɔjua] dan [silat] menjadi [bɔsilat]. Bila kata dasar bermula dengan vokal, maka /bɔ/ akan diimbuhkan terus kepada kata dasar atau disisipkan /ɣ/ di tengahnya misalnya, [ɛlaɾ] menjadi [bɔɣɛlaɾ] dan [ato] menjadi [bɔɣato].

3.2.2.4 Awalan /tɔ/ (/ter/ → /tɔ/)

Awalan /tɔ/ ini bersepadanan dengan /ter/ dalam BMS. Awalan ini mendukung empat fungsi nahu yang berlainan iaitu perbuatan

sengaja dan tidak sengaja yang boleh jadi aktif atau pasif dari segi sintaksis, kebolehan atau kesanggupan dan keadaan yang telah tersedia. Di samping menerbitkan kata kerja tidak sengaja, juga dapat menerbitkan kata sifat. Lazimnya kata sifat tersebut akan menunjukkan keadaan lebih atau paling (superlatif).

Cara pengimbuhan awalan /tɔ/ ini adalah sama seperti pengimbuhan /bɔ/ di atas misalnya, [makan] menjadi [tɔmakan], [jua] menjadi [tɔjua], [lɔbeh] menjadi [tɔlɔbeh], [elaɪ] menjadi [tɔɣelaɪ] dan [ɔmpɛh] menjadi [tɔɣɔmpɛh].

3.2.2.5 Awalan /kɔ/ (/kə/ → /kɔ/)

Awalan /kɔ/ ini tidaklah produktif dalam dialek-dialek umum bahasa Melayu. Awalan /kɔ/ boleh diimbuhkan kepada kata dasar untuk menerbitkan kata nama terbitan. Awalan /kɔ/ ini bersepadanan dengan /kə/ dalam BMS.

Jika kata dasar itu bermula dengan konsonan atau pun vokal, maka /kɔ/ akan diimbuhkan terus kepada kata dasarnya misalnya, [kaseh] menjadi [kɔkaseh] dan [ɔndaɪ] menjadi [kɔɔndaɪ].

3.2.2.6 Awalan /di-/

Awalan /di-/ ini menandakan kata kerja pasif sengaja iaitu perbuatan yang dilakukan dengan kehendak pelaku itu dalam pasif.

Cara pengimbuhan awalan /di-/ dalam DNS adalah serupa seperti pengimbuhan /kɔ/ di atas misalnya, [tɔlaɪ] menjadi [ditɔlaɪ],

[bɔʔi] menjadi [dibɔʔi], [ajaʔ] menjadi [diajaʔ] dan [elaʔ] menjadi [dielaʔ].

3.2.2.7 Awalan /sɔ/ (/sə/ → /sɔ/)

Awalan /sɔ/ ini menunjukkan bilangan yang tunggal atau menunjukkan kesamaan atau keserupaan. Awalan ini kan terus diimbuhkan pada kata dasar jika ianya bermula dengan konsonan, misalnya: [buah] menjadi [sɔbuah], [hati] menjadi [sɔhati] dan [rumah] menjadi [sɔrumah].

Apabila kata dasar bermula dengan vokal maka, vokal /ɔ/ dalam /sɔ/ akan gugur misalnya, [ɛkɔ] menjadi [sɛkɔ] dan [ɛlɔ] menjadi [sɛlɔ].

3.2.2.8 Imbuhan Akhiran

Khususnya terdapat tiga jenis imbuhan akhiran: /-kan/, /-i/ dan /-an/ dan kesemuanya ini tidak bersifat saling mengganti.

3.2.2.9 Akhiran /-an/ (dari morfem terikat /-kan/)

Perlu ditekankan di sini bahawa dalam DNS tidak terdapat akhiran /-kan/ tetapi ia akan direalisasikan sebagai /-an/ dan membawa fungsi yang sama iaitu mentransitifkan kata dasar yang tidak transitif. Apabila dipakai dengan kata kerja yang telah sedia transitif, akhiran /-an/ ini membawa maksud yang perbuatan itu dilakukan untuk orang lain. Akhiran /-an/ ini dapat berlaku dengan semua jenis bentuk dasar misalnya, [busɔ] menjadi [busɛʔan],

[lopsh] menjadi [lophan], [sapu] menjadi [sapuan], [ato] menjadi [atoan] dan [aja?] menjadi [aja?an].

3.2.2.10 Akhiran /-an/

Akhiran ini dapat membentuk kata nama bila ia digabungkan dengan kata dasar. Selalunya, katanama yang dibentuk dengan cara ini membawa tatabahasa berikut; lokatif, resultatif, kolektif dan katanama kerja. Awalan ini boleh terus diimbuhkan pada kata dasar, misalnya; [lotup] menjadi [lotupan], [laot] menjadi [laotan], [bu?et] menjadi [bu?etan] dan [adap] menjadi [adapan].

3.2.2.11 Akhiran /-i/

Akhiran /-i/ juga merupakan imbuhan yang mentransitifkan kata kerja. Ia agak produktif tetapi tidak seproduktif /-kan/. Walau bagaimana akhiran /-i/ ini sering ditinggalkan dalam pertuturan sehari-hari dalam dialek umum bahasa Melayu. Akhiran ini juga akan terus diimbuhkan pada kata dasar misalnya, [mili?] menjadi [mili?i], [susu] menjadi [susui] dan [tido] menjadi [tidawi].

3.2.2.12 Imbuhan Terbahagi

Terdapat sebanyak lapan jenis imbuhan terbahagi dalam dialek Negeri Sembilan iaitu; [mɔan], [mɔi], [pɔan], [bɔan], [tɔan], [dian], [dii] dan [kɔan]. Perlu juga ditekankan di sini bahawa morfem terikat /-kan/ akan direalisasikan sebagai /-an/ dalam DNS. Berbanding dengan BMS yang mempunyai dua belas jenis imbuhan

terbahagi iaitu; [məkan], [məi], [pəi]
[pəan], [pəkan], [bəri], [tərkan],
[dikan], [dii], [kəan] dan [kəkan].

3.2.2.13 Keseringan Pemakaian Morfem Terikat

Dalam pertuturan sehari-hari, penutur DNS lebih sering menggunakan kata selapis dan meninggalkan imbuhan pada kata dasar untuk memudahkan perbualannya. Oleh itu keseringan pemakaian morfem terikat dalam DNS tidak setinggi seperti dalam BMS. Dibandingkan dengan bentuk awalan, akhiran dan terbahagi, bentuk imbuhan terbahagilah yang sangat terhad penggunaannya. Penutur lebih sering menggunakan bentuk nasal pada kata dasar dalam menunjukkan kata kerja. Dengan kata lain, penutur-penutur DNS lebih kerap menggunakan bentuk perkataan yang mudah daripada bentuk-bentuk kompleks.

3.2.3 Penyisipan

Seperti dialek umum bahasa Melayu yang lainnya, terdapat empat jenis sisipan iaitu; /-el-/, /-en-/, /-em-/ dan /-er-/ dalam DNS. Keempat-empat jenis sisipan ini diimbuhkan ke dalam kata dasar iaitu selepas konsonan pertama kata dasar dan kesemuanya tidak produktif lagi dalam bahasa Melayu. Boleh dikatakan semuanya sudah merupakan unsur yang sudah sebatih dengan kata dasar tersebut. Walau bagaimanapun, masih dapat dilihat pengimbuhan yang telah berlaku dalam kata-kata dalam DNS seperti contoh-contoh berikut:

- (i) - el - contohnya: 1. tunju? ————— tolunju?
 2. tapa? ————— tolapa?
 3. gata ————— golata
- (ii) - em - contohnya: 1. saja? ————— somanja?
 2. gu?uh ————— gomuhuh
- (iii) - er - contohnya: 1. kupin ————— kɔ?upin
 2. gigi ————— gɔ?iggi
- (iv) - en - contohnya: 1. sɔntiasɔ ————— sɔnantiasɔ

3.2.4 Penggandaan

Dalam bahasa basahan, kita sering juga mendengar penutur bahasa Melayu menggunakan bentuk perkataan yang digandakan. Proses penggandaan atau reduplikasi ini merupakan satu proses yang kompleks dalam pembentukan kata-kata dalam bahasa Melayu. Oleh itu kita tentu jarang mendengar penggunaan bentuk-bentuk yang kompleks ini oleh penutur dialek umum bahasa Melayu seperti 'memarah-marahi', 'berkejar-kejaran' dan lain-lain lagi.

Menurut Farid Onn (1976: 15-35) terdapat empat variasi penggandaan dalam dialek Johor. Proses penggandaan ini juga terdapat dalam DNS dan BES. Berikut diberikan bentuk variasi tersebut dan contoh-contoh perkataan berganda dalam DNS :

1. Konsonan awal yang berada pada suku kata pertama diulang dan diikuti dengan penyisipan schwa /ə/. Dalam beberapa perkataan

tertentu disisipkan hentian glotal /ʔ/ selepas suku kata pertama, misalnya:

			<u>Ertinya</u>
tiap	——	tʔtiap	tiap-tiap
malam	——	mʔmalam	malam-malam
sɔdap	——	sʔsɔdap	sedap-sedap
pankɛʔ	——	pʔʔpankɛʔ	pangkat-pangkat

2. Proses penggandaan pada suku kata awal sahaja, misalnya:

			<u>Ertinya</u>
tunggu	——	tuntunggu	tunggu-tunggu
panggil	——	pompanggil	panggil-panggil
langkah	——	lonlangkah	langkah-langkau

3. Proses penggandaan pada suku kata akhir sahaja, misalnya:

			<u>Ertinya</u>
budaʔ	——	daʔbudaʔ	budak-budak
sudah	——	dahsudah	sudah-sudah
hitam	——	tamhitam	hitam-hitam
untung	——	ntonuntung	untung-untung
hujan	——	janhujan	hujan-hujan

4. Penggandaan penuh, dimana seluruh kat dasar digandakan samada ianya wujud secara bebas atau bergabung dengan imbuhan tertentu, misalnya:

alau	——	alaualau
adu	——	aduadu

itu	—	ituitu
intai	—	terintay-intay
maʃah	—	dimaʃah-maʃah
lotup	—	molotup-lotup
puko	—	dipukopuko

5. Penggandaan rentak ialah suatu jenis penggandaan yang menerima perubahan bunyi. Penggandaan mungkin mengalami penggandaan rentak suku jikalau satu suku kata dalam kata dasar diulang dalam gandaannya atau penggandaan rentak bunyi jika semua konsonan dalam dasar diulangi dan hanya vokal sahaja yang berubah, misalnya:

anaʔ-pinaʔ
 lintan-pukan
 kuyaʔ-ʔabaʔ
 lotup-lotap
 kayu-kayan

Perbezaan yang jelas dalam aspek penggandaan antara DNS dan BMS ialah penggandaan penuh dalam DNS kurang menggunakan imbuhan terutamanya akhiran /-i/ dan terdapat lebih banyak bentuk pasif, misalnya: dimaʃah-maʃahi, dipukopuko dan diaja-aja .

3.3 Sistem Sintaksis

Bidang sintaksis merupakan bidang yang mempunyai darjah

penyimpangan yang kecil berbanding dengan sistem fonologi dan morfologi. Umumnya, penutur-penutur bahasa non-standard sering menggunakan kata-kata selapis.

Perbezaan dalam bidang sintaksis antara dialek Negeri Sembilan dan Bahasa Malaysia Standard dapat dilihat dalam aspek-aspek berikut:

1. Susunan ayat interogatif yang memerlukan jawapan pendek ya / tidak.
2. Susunan kata kerja pasif yang menerima imbuhan 'di' dan 'ter'.
3. Susunan katatugas / katadepan dalam ayat.
4. Susunan kata kesangatan dalam ayat.

3.3.1 Susunan ayat interogatif yang memerlukan jawapan pendek ya / tidak.

Partikel 'kah' yang digunakan dalam ayat interogatif yang memerlukan jawapan pendek 'ya' atau 'tidak' dalam BMS, jarang sekali digunakan ia akan direalisasikan sebagai /k / dalam DNS. Partikel 'kah' ini sering diganti dengan kata nafi 'tidak'. Variasi ini dapat dilihat dalam contoh-contoh berikut:

- (i) BMS : Dia pergikah?
 DNS : Dia pi tak?
- (ii) BMS : Sakitkah?
 DNS : Sakit tak?

(iii) BMS : Dia sudah pergi kah?

DNS : Dia dah poiko?

Pertuturan sehari-hari lebih banyak melibatkan ciri-ciri suprasegmental dan dalam struktur ayat interogatif, terdapat intonasi suara yang meninggi di hujung ayat dan meninggalkan partikel 'kah'.

3.3.2 Gusunan kata kerja pasif yang menerima imbuhan 'di' dan 'ter'.

Imbuhan 'di' dan 'ter' yang membentuk kata kerja kepada bentuk pasifnya, sering diganti dengan kata 'kena' yang dibunyikan sebagai [kənɔ] dalam DNS. Ini dapat dilihat dalam contoh-contoh berikut:-

(i) BMS : Dia dipukul oleh emaknya.

DNS : Dia kənɔ puko kɛɪ ɔmaʔɛ.

(ii) BMS : Budak itu dinasihatkan oleh gurunya.

DNS : Buda tu kənɔ nasihatkan kɛɪ cikguɛ.

(iii) BMS : Kucing itu terlanggar oleh lori.

DNS : Kucing tu kənɔ langgar kɛɪ loʔi.

Dari contoh-contoh di atas didapati kata 'kənɔ' membawa fungsi yang sama dengan 'di' dan 'ter'. Pada masa yang sama juga kata 'oleh' digantikan dengan kata 'dekat' yang dibunyi sebagai [kɛɪ] dalam DNS.

3.3.3 Susunan katadepan dalam ayat.

Dalam struktur ayat BMS, pradikat yang terdiri dari keterangan tempat itu terdiri dari rangkaian kata yang didahului dengan katadepan seperti, ke-, di- , pada, dari, kepada dan daripada yang menunjukkan tempat. Tetapi dalam DNS, kata-kata depan ini sering diganti dengan jenis-jenis kata lain, seperti yang dapat dilihat dalam contoh berikut:-

(i) BMS : Dia ke Kuala Lumpur.

DNS : Dia pgi Kolo Lumbo.

(ii) BMS : Rumahnya di atas bukit.

DNS : Rumahg kɛɽ atəb bukit.

(iii) BMS : Mereka dari Maktab Perguruan.

DNS : Dia ɽrag tanj Maktab Perguruan.

(iv) BMS : Buku saya pada Aminah.

DNS : Buku gsg kɛɽ Aminah.

(v) BMS : Berikan buku ini kepadanya.

DNS : Bɔɽian buku ni kɛɽ dia.

3.3.4 Susunan kata kesangatan dalam ayat

Terdapat dua variasi susunan ayat yang mengandungi adverba kesangatan dalam ayat-ayat DNS, iaitu:

BMS : Bunga itu sungguh cantik.

(i) DNS : Cantik bto bug tu.

Dalam struktur ayat (i) kata sifat 'cantik' dipindahkan di pangkal ayat dan diikuti oleh kata 'betul' yang membawa fungsi penambah kualiti pada kata sifat cantik. Kata adverb kesangatan 'sungguh' jarang digunakan dalam DNS. Walau bagaimanapun, struktur ini juga terdapat dalam BMS.

(ii) Bug tu cantik bto.

Dalam struktur ayat (ii) kata adverb kesangatan hadir selepas perkataan yang lain ditambah kualitinya atau selepas kata adjektif, sedangkan dalam BMS, lazimnya hadir sebelum kata yang hendak ditambah kualitinya.

3.4 Kesimpulan

Berbanding dengan dialek Kelantan¹, didapati variasi DNS tidaklah begitu besar dari BMS. Dari ketiga-tiga aspek iaitu fonologi, morfologi dan sintaksis, aspek sintaksislah yang mempunyai darjah penyimpangan yang paling rendah.

1. Sila lihat tesis-tesis Nik Safiah (1965) dan Ajid Che Kob (1977) dan Kertas Kerja Abdul Hamid Mahmood (1981) dan kertas-kertas kerja lain dalam Dewan Bahasa.

Tiap-tiap dialek mempunyai rumus-rumus sendiri, baik rumus fonologi maupun tata bahasa di samping perbendaharaan kata. Setiap orang dibesarkan dalam konteks dialeknya. Oleh itu ia akan memperoleh penguasaan bahasa dalam konteks yang agak sempit iaitu meliputi rumus-rumus dialeknya. Apabila ia memasuki alam persekolahan barulah ia berhadapan dengan variasi standard. Oleh itu, terdapat kemungkinan iaitu dalam proses pembelajaran bahasa standard murid sedikit sebanyak akan terpengaruh juga oleh bahasa lisan atau dialek yang biasa digunakan oleh murid.

Pengetahuan tentang variasi dialek dan bahasa standard dapat membantu guru menjangka masalah linguistik yang mungkin timbul dalam proses pembelajaran bahasa oleh murid.

BIBLIOGRAFI

- Abdullah Hassan 1980 Linguistik Am Untuk Guru-Guru Bahasa Malaysia, (Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.)
- Abd. Hamid Mahmood, 1981 'Ciri-ciri Dialek Kelantan yang Mempengaruhi Penguasaan Bahasa Malaysia Standard' Kertas Kerja dalam Simposium Dialek, Penyelidikan dan Pendidikan, 2 - 3 Disember 1981.
- Abd. Samad Idris, 1968 Negeri Sembilan dan Sejarahanya, (Kuala Lumpur: Penerbitan Utusan Melayu Bhd.).
- Alisjahbana, S.T., 1974 'Language Policy, Language Engineering and Literacy in Indonesia and Malaysia' dalam Joshua A. Fishman (ed.), Advances in Language Planning, (Paris: Mouton and Co., The Hague).
- Asmah Haji Omar 1975 Essays on Malaysian Linguistics, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka).
- _____ 1977 Kepelbagaian Fonologi Dialek-Dialek Melayu, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka).
- _____ 1978 Perancangan Bahasa dengan Rujukan Khas kepada Perancangan Bahasa Malaysia, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka).
- _____ 1981 'Geografi Dialek: Kaedah dan Implikasi, Kertas Kerja dalam Simposium Dialek, Penyelidikan dan Pendidikan, 2 - 3 Disember 1981.
- Ajid Che Kob 1977 Dialek Geografi Pasir Mas: Fonologi dan Leksikal, Tesis M.A., (Kuala Lumpur: Universiti Malaya).

- Awang Saryan 1978 'Teori Linguistik Bloomfield dan Implikasinya terhadap Pengejaran Bahasa', Dewan Bahasa, 2: 7, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka)
- Carrol, J.B., 1966 'The Contributions of Psychological Theory and Education Research to the Teaching of Foreign Language' dalam Valdman (ed.), Trends in Language Teaching, (New York: Mc Graw Hill).
- Cense, A.A. dan Uhlenbeck, E.M., 1958 Critical Survey of Studies on the Languages of Borneo, (The Hague: Cravenhage - Martinus Nijhoff)
- Chomsky, N., 1966 Language and Mind, (New York: Mc Graw-Hill).
- Collins, J.T., 1981 'Bahasa dan Dialek: Perancangan dan Pendidikan, Dewan Bahasa, 25: 12, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka).
- Einar Haugen, 1966 Dialect, Language and Nation, American Anthropologist, vol. 68, 931 - 933.
- Farid M. Onn 1976 'Aspects of Malay Phonology and Morphology, Tesis Ph.d., (Urbana Champaign: University of Illinois).
- _____, 1979 'Media Massa dan Masalah Pencemaran Bahasa Malaysia, Kertas Kerja dalam Seminar Pencemaran Bahasa Malaysia Masakini, Punca dan Pencemaran, Universiti Sains Malaysia.
- Farid M. Onn dan Ajid Che Kob 1981 'Persepsi Murid dan Guru Terhadap Pengaruh Bahasa Daerah Dalam Pembelajaran Bahasa Malaysia

- di dalam Daftar Pelajar-Pelajar Melayu,
Kertas Kerja dalam Simposium
Dialek, Penyelidikan dan Pendidikan
2 - 3 Disember 1981.
- Ferguson, C.A., 1966 'Diglossia' dalam Dell Hymes (ed.)
Language in Culture and Society,
A Reader in Linguistics and
Anthropology, (New York: Harper
and Row).
- Hj. Hamdan Hj. Abd. Rahman 1981 Untungnya Kalau Guru Mengetahui
Dialek Murid, Kertas Kerja dalam
Simposium Dialek, Penyelidikan
dan Pendidikan, 2 - 3 Disember 1981
- Hendon, R.S., 1966 The Phonology and Morphology of
the Ulu Muar Malay, Tesis Ph. D.,
(New Haven: Yale University).
- Hockett, 1958 A Course in Modern Linguistics,
(New York: Macmillan and Co.).
- Householder, 1961 'Satu Huraian Tentang Loghat dan
Bahasa' Dewan Bahasa, 5: 1,
(Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan
Pustaka)
- Isahak Haron, 1980 'Beberapa Kaedah Mengajar Murid-
Murid Membaca Di Peringkat Awal'
Dewan Bahasa, 24: 7, (Kuala
Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka)
- Ismail Hussein, 1973 The Malay Dialects in The Malay
Peninsular, Nusantara, Bil. 3
(Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan
Pustaka).
- _____ 1978 Peranan Bahasa Melayu dalam
Perkembangan Kesusasteraan Nasional,
Kertas Kerja dalam Seminar Penulisan
di Sabah.
- Johnson, N.A., 1976 Current Topics in Language:
Introductory Readings, (Cambridge:
Massachusetts, Winthrop).
- Kamarulzaman Yahya, 1963 'Pelat Bahasa dan Pengaruhnya dalam
Masyarakat', Dewan Bahasa,

- 7: 6 (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka).
- Maimoon bte. Jantan 1978 Pengaruh Dialek dalam Proses Pembelajaran Bahasa Malaysia Standard di Kalangan Pelajar-Pelajar Melayu, Latihan Ilmiah, (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia).
- Malik b. Sohor 1978 Psikolinguistik dalam Pembelajaran Bahasa Malaysia di Sekolah-Sekolah Rendah Kebangsaan, Latihan Ilmiah, (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia).
- Mc Neill, D., 1970 The Acquisition of Language - The Study of Development Psycholinguistics, (New York: Harper and Row).
- _____, 1973 'The Creation of Language' dalam Oldfield, R.C. dan Marshall, J.C., (ed.), Language: Selected Reading, (London: Penguin Education).
- Mohd. Hilmi Hj. Ismail, 1977 'Teori Linguistik Chomsky dan Metod Kognitif', Dewan Bahasa, 21: 2, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka).
- Md. Yassin Abd. Majid, 1980 'Kaedah Audio-Lingual dan Beberapa Kaedah dalam Pembelajaran Bahasa', Dewan Bahasa, 24: 7, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka).
- Menyuk, P., 1971 The Acquisition and Development of Language, (New Jersey: Prentice - Hall, Inc.).
- Nida, E.A., 1963 Morphology. The Descriptive Analysis of Words, Second Edition, (Ann Arbor, Michigan: The University of Michigan Press).

- Nik Safiah Karim, 1965 Loghat Kelantan, Suatu Kecerakinan Kajibunyi, Bahasa, Latihan Ilmiah M.A., (Kuala Lumpur: Universiti Malaya)
- _____, 1978 Bahasa Malaysia Syntax, Some Aspects of its Standardisation, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka)
- _____, 1981 Dialek Sosial dan Tingkat-Tingkat Bahasa di Malaysia, Kertas Kerja dalam Simposium Dialek, Penyelidikan dan Pendidikan, 2 - 3 Disember.
- Oller, J.W.Jr., 1973 'Some Psycholinguistic Controversies' dalam Oller dan Richards (ed.), Focus on the Learner: Pragmatic Perspectives for the Language Teacher, (Row. Mass.: Newbury House Publisher)
- Omar Hashim, 1978 "'Kemerosotan' Bahasa Malaysia dalam Peperiksaan SPM, 1977", Dewan Bahasa, 22: 460 - 63, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka).
- Primsleur, Paul dan Quinn, Terence (ed.), 1978 The Psychological of Second Language Teaching, (London: Cambridge University Press).
- Rivers, W.M., 1968 Teaching Foreign Language Skills, (Chicago: The University of Chicago Press).
- Robins, R.H., 1967 General Linguistics: An Introductory Survey, (London: Longman, Green and Co. Ltd.)
- Sadanand Singh dan Kala Singh, 1976 Phonetics: Principles and Practices, (Baltimore: University Park Press)

- Sharman Abu, 1973 'Satu Tinjauan Ringkas Tentang Bunyi-Bunyi Vokal dalam Dialek Negeri Sembilan', Dewan Bahasa, 17: 12, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka).
- _____, 1974 'Sistem Bunyi-Bunyi Konsonan dalam Dialek Negeri Sembilan' Dewan Bahasa, 18: 6, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka)
- Simanjuntak, M., 1971 History and Trends in Methods and Research of Foreign Language Teaching, (Medan: IKIP).
- _____, 1971 'Pengajaran Bahasa dan Beberapa Teoris Linguistik; de Saussure, Bloomfield, Firth dan Chomsky' Jurnal Budaya Melayu.
- _____, 1978 'Teori Linguistik dan Implikasi serta Aplikasinya dalam Pengajaran Bahasa Kedua', Dewan Bahasa, 25: 7, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka)
- _____, 1978 Pengantar Psikolinguistik: Beberapa Topik Penting, (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia)
- _____, 1981 APTA dan OPTA dalam Pengajaran Bahasa, Dewan Bahasa, 25: 7, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka).
- _____, 1981 Dialek dan Pendidikan, Kertas Kerja, Jabatan Persuratan Melayu, (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia).
- Trubetzkoy, N.S., 1969 Principles of Phonology, (California: University of California Press).
- Woo Seng Hwa, 1968 Pengajaran Bahasa Kebangsaan dan Masalahnya, (Kuala Lumpur: Pustaka Pendidikan Sdn. Bhd.).

Lampiran

Panduan:

1. Isikan ruang kosong (.....) dengan maklumat yang betul.
2. Bagi soalan yang memerlukan jawapan pendek seperti ya/ tidak, ada/tiada dan sebagainya, anda diminta memotong mana-mana maklumat yang tidak berkenaan.

1. Nama
2. Umur
3. Jantina
4. Sekolah
5. Tempat dilahirkan
6. Latihan yang diterima;
 - a. Kelulusan tertinggi diperolehi
 - b. Nama Maktab/Universiti
 - c. Tahun
 - d. Mata pelajaran pilihan
7. Pengalaman mengajara Bahasa Malaysia tahun
8. Pernahkah anda menghadiri kursus dalam perkhidmatan bagi guru-guru Bahasa Malaysia: Ya/Tidak. Sekiranya pernah, sebutkan nama kursus dan tahun dihadiri:
 1. Kursus Tahun
 2. Kursus Tahun
9. Pernahkah anda mempelajari linguistik: Ya/Tidak
10. Apakah kaedah dan teknik yang anda terapkan dalam pengajaran Bahasa Malaysia.

11. Sekiranya anda pernah mengikuti kursus dalam perkhidmatan untuk guru-guru Bahasa Malaysia, dapatkah anda menjalankan cadangan atau teknik baru yang diperolehi dari kursus/kursus-kursus tersebut (Tandakan ✓ pada ruang):

- i. dapat dijalankan 100% ()
- ii. dapat dijalankan 50% - 75% ()
- iii. dapat dijalankan 25% ()
- iv. tidak dapat dijalankan langsung ()

12. Sekiranya tidak dapat dijalankan terangkan mengapa

.....

.....

13. Seminar bahasa yang anda pernah hadiri:

- i. tahun
- ii. tahun
- iii. tahun

14. Bilangan murid yang anda ajari:

- i. Melayu orang
- ii. Bukan Melayu orang

15. Pada pendapat anda, bagaimanakah sikap murid-murid Melayu dalam mempelajari Bahasa Malaysia:

- i. sangat memuaskan%
- ii. sederhana%
- iii. dingin%

16. Pada pendapat anda, bagaimanakah sikap murid-murid bukan Melayu dalam mempelajari Bahasa Malaysia:

- i. sangat memuaskan%
- ii. sederhana%
- iii. dingin%

18. Adakah terdapat kemudahan-kemudahan perpustakaan di sekolah anda: Ya/Tidak
19. Pada pendapat anda adakah kemudahan ini dapat membantu proses penguasaan bahasa murid
-
-
20. Adakah terdapat kemudahan-kemudahan seperti akhbar dan majalah-majalah yang relevan di sekolah anda: Ya/Tidak
21. Adakah terdapat alat-alat bantuan mengajar seperti:
1. televisyen
 2. radio
 3. pita rakaman
 4. carta-carta
 5. dan lain-lain
22. Pada pendapat anda adakah kemudahan-kemudahan yang disebutkan di atas dapat membantu meningkatkan taraf Bahasa Malaysia di kalangan murid-murid :
-
23. Adakah sekolah anda menjalankan apa-apa kegiatan untuk memperbaiki taraf Bahasa Malaysia di kalangan murid-murid
-
24. Adakah anda menggunakan dialek bila bertutur dengan murid-murid dalam suasana berikut:
1. sepenuh masa waktu mengajar
(Ya/Tidak)
 2. bercerita/berjenaka (Ya/Tidak)
 3. menerangkan perkataan
tertentu (Ya/Tidak)
 4. marah (Ya/Tidak)

5. di luar waktu sekolah (Ya/Tidak)

25. Sekiranya anda menggunakan dialek dalam kelas apakah sikap murid:
- a. amat suka dan memberi respon dalam dialek juga $\frac{9}{10}$
 - b. sederhana $\frac{1}{10}$
 - c. kurang suka $\frac{0}{10}$
 - d. dingin $\frac{0}{10}$
26. Pada pendapat anda bagaimanakah dialek mempengaruhi proses pengajaran bahasa
27. Bagaimanakah dialek mempengaruhi proses pembelajaran bahasa oleh murid
28. Jika guru menggunakan dialek adakah murid-murid dapat memahami guru: Ya/Tidak.
29. Jika murid yang menggunakan dialek adakah guru menghadapi kesukaran untuk memahami murid: Ya/Tidak.
30. Adakah dialek mengujudkan kesukaran dalam perhubungan antara murid dan guru: Ya/Tidak.
31. Selain dari itu, apakah kesan-kesan negatif yang mungkin timbul akibat dari pengaruh dialek.....
32. Jika dialek memberi kesan-kesan negatif bagaimanakah cara mengatasi masalah ini